

Salahguna wang MAS dikesan

Daripada ABDULLAH HASSAN

LONDON 25 Feb. — Pengurusan baru Penerbangan Malaysia (MAS) telah mengesan penyalahgunaan wang syarikat dan aktiviti-aktiviti lain yang tidak diluluskan oleh lembaga pengarah, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Menurut Perdana Menteri, selain daripada itu terdapat beberapa perkara lain dan kes ini telah pun dilaporkan kepada polis.

Beliau memberi jaminan walaupun mereka yang disyaki merupakan kroni, ia tidak akan menghalang MAS daripada mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab.

"Kita tidak akan bertolak ansur dengan sebarang salah urus atau penyalahgunaan wang oleh sesiapa juga sama ada kroni atau sebaliknya.

● Perwaja: Swiss Bank enggan kerjasama — Muka 2

"Pada peringkat ini, kita akan membawa kes ini ke mahkamah untuk menentukan sama ada terdapat atau tidak kes terhadap orang berkenaan," jelasnya semasa menjawab soalan pelajar yang dikemukakan dalam sesi dialog yang dihadiri oleh lebih 600 orang pelajar Malaysia di Imperial College di sini hari ini.

Pelbagai soalan dikemukakan dalam dialog hampir dua jam itu, antaranya mengenai biasiswa, dasar perlindungan kerajaan, kerakyatan, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Universiti dan Kolej Universiti, surat Akujanji dan Perwaja.

Kata Perdana Menteri, kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan sebarang salah urus dan penyalahgunaan wang MAS oleh sesiapa sahaja.

Terdahulu, beliau menyatakan prestasi MAS adalah baik sebelum kemelesetan tahun 1997 dan sekarang selepas tragedi 11 September, tidak ada satu pun syarikat penerbangan yang banyak membuat keuntungan sebelum ini, tidak berada dalam kesusahan.

■ Lihat muka 4

Salahguna wang MAS dikesan

Syarikat penerbangan akan menghadapi kesulitan jika tidak mempunyai penumpang melebihi 35 peratus tempat duduk dan sekarang masih ada orang yang keberatan untuk menggunakan perkhidmatan kapal terbang.

Masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat penerbangan bukan hanya soal pengurusan yang lemah tetapi faktor luaran juga boleh memberi kesan negatif kepada prestasi syarikat.

MAS juga tidak terkecuali dan mengalami masalah yang sama walaupun sebelum itu berjaya memperoleh keuntungan.

Bagaimanapun, setelah berterusan mengalami kerugian, kera-

jaan terpaksa campur tangan dan cara terbaik mengatasi masalah ialah dengan mengambil balik syarikat tersebut.

"Kita membayar sejumlah wang yang besar untuk memiliki semula MAS dan sekarang setelah kita menguasainya, kita mengkaji secara terperinci pengendaliannya.

"Sejak itu pengurusan sekarang dapat mengesan penyalahgunaan wang dan lain-lain aktiviti dan kes ini telah dilaporkan kepada polis," katanya.

Pada 18 Februari lepas, Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Perdagangan) Bukit Aman, Datuk Maizan Shaari ber-

kata, polis sedang menyiasat satu laporan yang dibuat oleh MAS berhubung kerugian berjuta-juta ringgit dalam urusan niaga kargo syarikat tersebut semasa Tan Sri Tajuddin Ramli menjadi pengerusi eksekutifnya.

Menurut beliau, siasatan pihaknya kini adalah untuk memastikan sama ada berlaku perlakuan jenayah dalam perkara tersebut.

Pada hari yang sama, MAS mengesahkan bahawa ia telah membuat laporan polis mengenai kesalahan pengurusan.

Pengurus Besar Kanan MAS (Perkhidmatan Korporat), Dr. Mohamadon Abdullah berkata,

pihaknya tidak dapat membuat sebarang ulasan terperinci memandangkan perkara tersebut telah diserahkan kepada polis.

Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Mac 2001, MAS menanggung kerugian sebelum cukai sebanyak RM1.303 bilion, iaitu kerugian terbesar dalam sejarah syarikat penerbangan itu.

Pada tahun lalu, kerajaan membeli balik 29.9 peratus ekuiti yang dimiliki oleh Tajudin dalam MAS menerusi Naluri Bhd. dengan harga RM1.792 bilion atau RM8 sesaham, walaupun harga pasarannya sekitar RM4 ketika itu. — Utusan